

PM Sampai Geran Hak Milik Tanah Kepada 172 Peneroka

Bernamea

July

5,

2014

PEKAN, 5 Julai (Bernama) -- Sejumlah 172 orang peneroka Felda Chini Timur 3 dekat sini, yang melangsaikan bayaran kembali meliputi kos pembangunan terhadap Felda dan kerajaan negeri Pahang, masing-masing menerima geran hak milik tanah seluas 4.05 hektar hari Sabtu.

Geran disampaikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam satu majlis sebelum berbuka puasa bersama peneroka berkenaan di Dewan Orang Ramai Felda Chini Timur 3.

Dalam ucapannya, Najib berkata penyampaian geran hak milik itu adalah hasil pengorbanan peneroka yang bersusah payah ketika Felda tersebut mula dibuka hampir 30 tahun lalu.

"Kesabaran dan ketabahan mereka sejak 1985 sehingga sekarang telah memberi keuntungan kepada peneroka semua, rumah peneroka hari ini pun tidak seperti rumah asal yang dibina semasa Felda mula dibuka," katanya.

Turut hadir Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob dan Pengerusi Felda Tan Sri Isa Samad.

Pada majlis sama, Najib turut mengumumkan pembinaan masjid baharu Felda Chini Timur 3 membabitkan peruntukan RM4.5 juta.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1051607>